

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Thursday, 16 March, 2017 9:00 AM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Muhammad Muhaizam bin Musa
Subject: INASIS EON ONLINE: KURSUS PENGURUSAN ORGANISASI JKPS INASIS EON 2017



16 MAC 2017, KHAMIS | 17 JAMADILAKHIR 1438H



Oleh: Umi Salamah Ahmad
Gambar oleh: Abdul Wasim Muhamad Sabri

INASIS EON ONLINE: Kursus Kepimpinan Organisasi (KPO) JKPS INASIS EON telah berlangsung pada 2 hingga 4 Februari 2017 di Glory Beach Resort, Port Dickson. Kursus ini melibatkan semua ahli JKPS INASIS EON seramai 30 orang, empat pengiring iaitu Pengetua INASIS EON, Dr.Faizal bin Md Hanafiah, felo INASIS EON, En. Faizal bin Rosni dan dua orang kakitangan pejabat.

Ahli Jawatankuasa Aktiviti diketuai oleh Amirul Azfar bin Abdul Razak dan pengarah projek Nur Liyana Hew binti Mohd Ridhwan Hew.

Kursus ini bertujuan untuk menerapkan nilai kepimpinan dalam setiap Ahli Jawatankuasa bagi menguruskan dan mengendalikan sesebuah organisasi.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang kursus ini adalah *team building* iaitu aktiviti makin jauh makin sayang. Permainan ini disertai oleh semua pemain termasuk empat orang pengiring. Selain itu, peserta juga diberi pendedahan mengenai kepercayaan antara ahli pasukan sepanjang kursus ini.

Kursus ini dimeriahkan lagi dengan makan malam bagi meraikan JKPS dan semua kakitangan yang akan memberi komitmen dalam kerja seterusnya. Banyak pengalaman dan pengajaran yang diperolehi peserta yang dapat diterapkan bagi meneruskan legasi kepimpinan untuk memajukan INASIS EON.

Pengarah program, Nur Liyana Hew binti Mohd Ridhwan Hew berkata program ini berjalan lancar kerana kerjasama yang diberikan daripada semua peserta.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH
Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.